



Saifuddin Nasution Ismail

Kerajaan beli lebih pengeluaran topeng muka

Putrajaya: Syarikat pengeluar diminta meningkatkan pengeluaran topeng muka tiga lapis, dengan jaminan lebihannya akan dibeli oleh kerajaan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution, berkata kerajaan memberi jaminan membeli lebihan topeng muka itu bagi memenuhi keperluan mencegah virus penularan jangkitan novel coronavirus, 2019-nCoV.

Beliau berkata, pihaknya sudah bertemu dengan peserta industri berkenaan dan memberi jaminan sekiranya mereka mampu meningkatkan pengeluaran, kerajaan sedia membeli lebihan itu.

“Kerajaan mahu memastikan bekalan topeng muka mencukupi dan berharap tiada pihak mengambil kesempatan menaikkan harga sesuka hati kerana ia adalah barang kawalan.

“Kita menyarankan mereka meningkat pengeluaran dan bagi setiap tambahan pengeluaran sama ada harian, mingguan atau bulanan kerajaan akan beli,” katanya pada sidang media di Kementerian Kewangan di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng.

Saifuddin berkata, kebanyakan kilang banyak mengeluarkan topeng muka bagi kegunaan hospital dan industri, manakala topeng keselamatan agak berkurangan.

Katanya, menerusi jaminan kerajaan itu, pengilang boleh membekalkan topeng muka dengan serta-merta dengan meningkatkan pengeluaran harian mereka melalui penambahan waktu bekerja.

Beliau berkata, harga pembelian topeng muka itu akan ditentukan Kementerian Kewangan kerana tugas kementeriannya hanya memastikan bekalan itu mencukupi.

Sementara itu, Guan Eng berkata, Kementerian Kewangan menyokong usaha KPDNHEP itu dan berharap topeng dibeli itu diletakkan di lokasi diperlukan seluruh negara.